



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: (10) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.36
Tarikh : 2 Julai 2011

SIARAN MEDIA 15.12 JUTA PERUNTUKAN KEPADA PBT KEDAH

KUALA NERANG , 2 Julai 2011- Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan sehingga Jun 2011 telah memperuntukkan sebanyak RM 15.12 juta bagi melaksanakan 150 buah projek di sebelas (11) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) Negeri Kedah dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Peruntukan yang diberikan ini adalah bukti Kerajaan prihatin dalam menyediakan kemudahan prasarana bagi kemudahan rakyat jelata. Ini jelas dengan perasmian yang diadakan pada hari ini. Y.B. Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Kompleks Angsana Bandar Kuala Nerang, MD Padang Terap, Kedah.

Terminal bas dan teksi serta arked perniagaan dua(2) dan tiga(3) tingkat di bandar Kuala Nerang ini telah dinaiktaraf dengan kos berjumlah RM 1,537,018.00. Penaiktarafan ini turut meliputi 48 unit lot kedai, 8 unit gerai makan, 4 unit kaunter tiket bas, ruang terbuka bagi tempat meletak bas dan teksi dan penurapan semula premis di sekitar kawasan terminal.

Y.B.M. KPKT turut melawat ke projek untuk membina laluan pejalan kaki di sekitar Pekan Kuala Nerang. Komponen kerja projek ini adalah membekal dan memadat tanah *laterite*, membina *concrete imprint* setebal 125 mm seluas 850m padu, membina dua (2) unit jambatan konkrit selebar 2mx 3m dan pemasangan enam belas (16) unit lampu jalan. Projek ini diperuntukan sebanyak RM 500,000.00.

Majlis Penyerahan Geran tahunan oleh Y.B..M. KPKT diadakan di Dewan Tunku Putra Kuala Nerang yang juga telah dinaiktaraf. Keseluruhan kos projek naiktaraf dewan ini ialah RM 1,032, 909.50. Kerja-kerja menaiktaraf ini meliputi kerja-kerja menggantikan bumbung, menaiktaraf lantai bangunan, kerja-kerja pendawaian dan juga menurap semula premis di sekitar bangunan dewan.

Di dewan ini, Majlis Penyerahan Geran Tahunan untuk sebelas (11) PBT (Kedah), dua(2) PBT(Pulau Pinang) dan satu(1) PBT (Perlis) turut diadakan. Geran tahunan PBT bagi Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis bagi tahun 2011 secara keseluruhannya adalah berjumlah RM 29,928,251.00, RM 10,000,000.00 dan RM 2,016,792.00. Ini adalah satu daripada pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan Akta Pemberian Negeri (Penyenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan) 1981 (Akta 245). Ia adalah peruntukan bagi membantu PBT bagi menguruskan pentadbiran. Berikut merupakan agihan Geran Tahunan kepada di Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

KEDAH		
1	MB Alor Setar	4,383,276.00
2	MP Sungai Petani	3,537,380.00
3	MD Kubang Pasu	4,701,315.00
4	MD Baling	2,981,438.00
5	MP Kulim	5,000,000.00
6	MP Langkawi	1,492,749.00
7	MD Padang Terap	1,493,978.00
8	MD Bandar Baharu	1,105,644.00
9	MD Yan	1,533,520.00
10	MD Pendang	2,125,306.00
11	MD Sik	1,573,645.00
Jumlah Kecil		29,928,251.00

PULAU PINANG		
1	MP Pulau Pinang	5,000,000.00
2	MP Seberang Perai	5,000,000.00
Jumlah Kecil		10,000,000.00

PERLIS		
1	MP Kangar	2,016,792.00
Jumlah Kecil		2,016,792.00

Sumbangan membantu Kadar (SMK) seperti di dalam jadual di bawah merupakan geran kepada PBT untuk mengganti cukai yang dikecualikan terhadap harta-harta Kerajaan Persekutuan yang diselenggarakan oleh PBT seperti tanah dan bangunan-bangunan

Penilaian ini dibuat oleh pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Berikut merupakan agihan Sumbangan membantu Kadar kepada PBT di Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

	KEDAH	
1	Majlis Bandaraya Alor Star	1,124,883
2	Majlis Perbandaran Sungai Petani	855,418
3	Majlis Perbandaran Langkawi	1,348,759
4	Majlis Perbandaran Kulim	165,562
5	Majlis Daerah Yan	71,026
6	Majlis Daerah Sik	16,499
7	Majlis Daerah Baling	50,557
8	Majlis Daerah Bandar Baharu	45,938
9	Majlis Daerah Kubang Pasu	158,158
10	Majlis Daerah Padang Terap	52,906
11	Majlis Daerah.200.555555555555552555555555 Pendang	31,280
12	Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	10,831.00
	JUMLAH KECIL	3,931,816.00

	PULAU PINANG	
1	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2,245,425
2	Majlis Perbandaran Seberang Perai	2,037,118
	JUMLAH	4,282,543

	PERLIS	
1	Majlis Perbandaran Kangar	1,027,059
	JUMLAH KECIL	1,027,059

Sumbangan ini diberikan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan PBT dalam melaksanakan fungsinya memberi perkhidmatan dan menyediakan kemudahan infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi di kawasan masing-masing

Turut hadir bagi majlis perasmian ini ialah Yang Berhormat Dato' Ir Phahrolrazi bin Haji Nawawi (EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Negeri Kedah), Yang Berhormat Dato' Wira Haji Rasli bin Basir (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah), Y.Bhg. Dato' Halimi bin Abd. Manaf (Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Yang Berusaha Datuk Hj. Azmi bin Lateh (Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan, Negeri Kedah), Y.Bhg. Tuan Hj. Mohd Fuzi Bin Mohaidin (Yang Dipertua, Majlis Daerah Padang Terap), Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis-Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah Negeri Kedah, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Perlis, dan Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Padang Terap.

-****-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi
Jessylina Mat Lazim
Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh	:	Unit Komunikasi Korporat b.p. Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon	:	03-20992403/20993206
Faks	:	03-20956523
e-mail	:	pro@kpkt.gov.my
